

Bab

Lima

BAB LIMA

PENUTUP

5.1 Rumusan Kajian

Hasil dari kajian seramai 80 orang responden melalui borang kaji selidik maka dapat disimpulkan bahawa pihak Perbadanan Islam Johor (PIJ) telah mengetahui akan matlamat PIJ sebagai sebuah badan berkanun dalam melaksanakan dasar-dasar perlaksanaan dasar pembasmian kemiskinan. Pada keseluruhannya pihak PIJ telah mengetahui visi dan misi penubuhan PIJ dalam membantu sosio ekonomi orang Islam khususnya rakyat negeri Johor. Pihak PIJ menyedari bahawa mereka telah diberi amanah dan tanggungjawab yang besar dalam merealisasikan impian rakyat yang kurang bernasib baik dalam menjalani kehidupan seharian.

5.2 Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan gambaran terhadap masalah-masalah kemiskinan yang sedang dihadapi oleh masyarakat di negara ini khususnya di negeri Johor. Kemiskinan adalah perkara yang berlaku sejak berzaman lamanya. Di dalam keghairahan masyarakat di negara ini mengejar kemajuan, tidak boleh disangkal lagi ada juga pihak-pihak tertentu yang masih lagi bergelut dengan masalah kemiskinan. Terdapat beberapa implikasi kajian terutamanya kepada individu yang terlibat, masyarakat, pihak berkuasa tempatan atau negeri dan peringkat pentadbiran negara. Antaranya:

i. Individu Yang Terlibat

Setiap umat Islam diwajibkan berusaha untuk mencari rezeki di atas muka bumi Allah yang kaya dengan sumber alamnya. Untuk mencapai kemakmuran dunia, umat Islam tiada pilihan lain melainkan berusaha dan bekerja keras. Tiada jalan pintas yang boleh membawa kemakmuran tanpa dedikasi dan kerajinan bekerja.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّ أَطْيَبَ مَا أَكَلْتُمْ مِنْ كَسْبِكُمْ، وَإِنَّ أَوْلَادَكُمْ مِنْ كَسْبِكُمْ وَكُلُّوْهُ هَنِيئًا مَرِيئًا.¹

Maksudnya: “*Sesungguhnya sebaik-baik makanan yang kamu makan adalah dari hasil usahamu dan sesungguhnya anak-anak kamu adalah termasuk usaha kamu, oleh sebab itu makanlah dia (harta anakmu) dengan senang dan sentosa.*”

Keperluan asas kehidupan seseorang akan tetap terlaksana jika seseorang itu rajin bekerja. Kerajinan adalah senjata paling ampuh untuk mengatasi kemiskinan kerana dengan rajin sahajalah seseorang itu dapat menyempurnakan keperluan dirinya serta keluarganya. Islam juga menggalakkan umat Islam agar berfikir secara praktis untuk mencari peluang pekerjaan dan meningkatkan daya produktiviti. Islam melarang individu atau golongan berpeluk tubuh, tidak mahu bekerja, bertawakal kepada Allah tanpa usaha dan hanya menanti bantuan sahaja. Sikap ini amat dilarang oleh Islam kerana boleh menyebabkan berlakunya masalah pengangguran.

¹ Sulamī, Muḥammad bin ‘Isā Abū ‘Isā al-Tirmidhī al- (t.t.), *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*, ditahqiqkan oleh Aḥmad Muḥammad Syākir *et al.*, “Kitab al-Aḥkam”, Bab {مَا جَاءَ أَنَّ الْوَالِدَ يَأْخُذُ مِنْ مَالِ وَلَدِهِ}, no. hadith 1278, j. 5, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 210. Qazwainī, Muḥammad bin Yazīd Abū ‘Abd Allāh al- (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, ditahqiqkan oleh Muḥammad Fuad ‘Abd al-Bāqī, Kitab al-Tijjarat, Bab {مَا لِلرَّجُلِ مِنْ مَالِ وَلَدِهِ}, no. hadith 2281, j. 7, Beirut: Dār al-Fikr, h. 70. Syaibānī, Aḥmad bin Hanbal Abū ‘Abd Allāh al- (t.t.), *Musnad al-Imām Aḥmad bin Hanbal*, no. hadith 24133, j. 51, al-Qāhirah: Mu’assasah Qurtubah, h. 290. Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn bin al-Ḥāj Nūḥ al- (1405H/1984M), *Takhrij Aḥādīth Muskilah al-Faqr wa Kayfa ‘Ālijuhā al-Islām*, no. hadith 50, j. 1, c. 1, Beirut: al-Maktab al-Islamī, h. 33 dan Al-Albani dalam *Takhrij Aḥādīth Musykilah al-Faqr* mengatakan hadith *sahih* seperti mana disebutkan dalam *Kitab al-‘Irwa’*.

ii. Masyarakat

Masyarakat Islam haruslah berganding bahu dalam membasmi kemiskinan kerana Islam menggalakkan umatnya tolong-menolong dan saling bantu-membantu dalam membuat kebaikan. Bertepatanlah dengan langkah proaktif yang dilakukan oleh pihak PIJ dalam membasmi kemiskinan di peringkat negeri Johor. Kesedaran kepada masyarakat mestilah berterusan agar mereka yang berkeadaan lebih baik dapat menghulurkan bantuan kepada golongan miskin agar golongan ini terus mendapat pembelaan. Amalan bantu-membantu dalam masyarakat mestilah disuburkan supaya masyarakat yang bebas daripada belenggu kemiskinan dapat diwujudkan.

iii. Pihak Berkuasa Tempatan Atau Negeri

Adalah menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tempatan untuk mengadakan program-program yang dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan. Sungguhpun begitu program-program yang berbentuk pemberian langsung seperti pemberian wang adalah penyelesaian jangka pendek. Program yang lebih efektif diperlukan yang mana dapat meningkatkan produktiviti dan hasil pendapatan golongan miskin. Antara program yang dapat dilaksanakan ialah faedah bantuan makanan terutama untuk bayi, subsidi untuk penjagaan anak yang baik, subsidi persekolahan berdasarkan kedatangan dan pembinaan sekolah dan pusat kesihatan di kawasan-kawasan terdapat ramai golongan miskin. Ini berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمْ الْيَوْمَ صَائِمًا؟
قَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَا قَالَ فَمَنْ تَبِعَ مِنْكُمْ الْيَوْمَ جَنَازَةً؟ قَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ

عَنْهُ أَنَا قَالَ فَمَنْ أَطْعَمَ مِنْكُمْ الْيَوْمَ مِسْكِينًا؟ قَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَا قَالَ فَمَنْ عَادَ مِنْكُمْ الْيَوْمَ مَرِيضًا؟ قَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا جَمَعَنَ فِي أَمْرِي إِلَّا دَخَلَ الْجَنَّةَ.²

Maksudnya: "Dari Abu Hurairah r.a., katanya Rasulullah s.a.w. bertanya: "Siapakah diantara anda yang berpuasa hari ini?" Jawab Abu Bakar, "Aku, ya Rasulullah!" Tanya Rasulullah s.a.w., "Siapakah diantara anda yang mengiringkan jenazah ke perkuburan hari ini?" Jawab Abu Bakar, "Aku ya Rasulullah!" Tanya Rasulullah s.a.w., "Siapakah diantara anda sekalian yang memberi makan orang miskin hari ini?" Jawab Abu Bakar, "Aku, ya Rasulullah!" Tanya Rasulullah s.a.w., "Siapakah diantara anda yang mengunjungi orang sakit hari ini?" Jawab Abu Bakar, "Aku, ya Rasulullah!" Maka bersabda Rasulullah s.a.w., "Siapa yang dapat melakukan perbuatan-perbuatan itu semuanya, nescaya dia masuk syurga."

iv. Peringkat Pentadbiran Negara

Pihak kerajaan telah memberikan perhatian yang sangat serius terhadap masalah kemiskinan ini. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilancarkan adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan seberapa banyak yang boleh dan ianya memberikan kesan yang baik. Selain itu, kerajaan berperanan juga dalam melaksanakan prinsip-prinsip Islam seperti zakat, baitumal, sedekah dan membangun tanah wakaf. Dicadangkan juga agar setiap agensi pembangunan luar bandar mempergiatkan salah satu fungsinya untuk menyusun dan menganalisis fenomena kemiskinan secara berterusan. Analisis patut juga dijalankan untuk mengesan apakah impak mana-mana input atau strategi kearah pembasmian kemiskinan untuk menentukan dengan tepat apakah input yang betul-betul tepat dan yang mempunyai impak kepada pengurangan kemiskinan. Satu lagi usaha terpenting adalah untuk mewujudkan penyelarasan akan pemantauan data perubahan di dalam fenomena kemiskinan dengan tepat dan

² Naisābūrī, Muslim bin al-Hajjāj Abū Husain al-Qusyairī al- (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim*, ditahqiqkan oleh Ahmad Muḥammad Syākir, "Kitāb al-Zakah", Bab {مَنْ جَمَعَ الصَّدَقَةَ وَأَغْنَاهُ الْبَرَّ}, no. hadith 1707, j. 5, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 221. Bayhaqī, Abū Bakr Ahmad bin al-Husain bin 'Alī bin Musa al- (1414H/1999M), *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, ditahqiqkan oleh Muḥammad 'Abd al-Qādir 'Aṭā, no. hadith 7619 dari hadith Abi Hurayrah r.a., j. 4, Makkah: Maktabah Dār al-Bāz, h. 189.

terperinci. Oleh yang demikian, data tersebut akan dapat dipergunakan di dalam merangka apa-apa program yang bersesuaian untuk mengatasi masalah kemiskinan yang telah dikumpulkan data yang lengkap. Apabila berlaku gabungan tenaga dan usaha daripada kerajaan, masyarakat dan individu untuk mengatasi masalah kemiskinan, maka tidak akan wujud dalam masyarakat Islam seorang yang miskin atau seorang yang memerlukan bantuan. Akhirnya umat Islam akan menikmati keamanan, kemakmuran, perlindungan serta ketenteraman dan anggota masyarakat pula terselamat daripada faktor-faktor jenayah dan penyelewengan. Kita akan dapat menyaksikan dengan mata kepala sendiri, bendera kemuliaan Islam berkibar tinggi di puncak dan pada hari itu orang-orang mukmin akan berasa gembira dengan pertolongan daripada Allah S.W.T.

5.3 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini merupakan usaha pengkaji untuk melihat peranan yang telah dilaksanakan oleh PIJ ke arah pembasmian kemiskinan terutama yang berlaku di peringkat negeri Johor khasnya. Kajian ini melibatkan responden seramai 80 orang di PIJ sendiri dan analisis pencapaian hasil daripada perlaksanaan dasar yang dibuat oleh PIJ. Memandangkan kajian ini mempunyai beberapa batasan kajian, maka pengkaji ingin mencadangkan beberapa kajian lanjutan sekiranya ada pihak-pihak yang ingin meneruskan kajian dalam permasalahan ini pada masa-masa akan datang:

- i. Kajian ini mengambil sampel kakitangan PIJ dan anak-anak syarikatnya di negeri Johor. Oleh itu dicadangkan supaya kajian yang selanjutnya melibatkan sekolah-sekolah dan orang ramai yang menerima bantuan.

Dengan mengemukakan sampel supaya maklumat dan data yang diperolehi lebih menguatkan kajian dan gambaran yang lebih jelas serta menyeluruh diperolehi seterusnya objektif kajian tercapai. Dengan ramainya sampel yang dipilih akan bertambahlah idea serta cadangan ke arah mengatasi masalah ini.

- ii. Kajian yang lebih luas diperlukan iaitu dengan mengambil pemboleh ubah yang lain seperti faktor persekitaran, kekangan terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka yang terlibat serta pembabitan pihak-pihak yang tidak terlibat secara langsung dalam mengatasi masalah kemiskinan umat Islam.
- iii. Bentuk kajian yang digunakan hanya bercorak soal selidik yang menghendaki responden memilih jawapan daripada pilihan yang disediakan. Kemungkinan juga responden tidak menjawab dengan baik dan jujur. Oleh itu dicadangkan kajian lanjutan menggunakan soalan berbentuk temubual yang digunakan bagi membolehkan responden memberikan jawapan yang lebih baik dan jujur serta bebas melontarkan pandangan.
- iv. Keterbatasan maklumat yang ingin diperolehi daripada pihak yang dijadikan sampel juga merencatkan dan membataskan perjalanan kajian penulis. Diharapkan pada kajian yang akan datang, semua pihak yang terlibat tidak segan untuk memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada mana-mana pengkaji bagi melancarkan proses pengkajiannya. Semoga dengan kajian yang dilakukan ini sedikit sebanyak membantu kearah mengatasi masalah kemiskinan.